

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATO' WIRA MOHD JOHARI BIN BAHAROM  
[ KUBANG PASU ]

**TARIKH** : 14 OKTOBER 2014

**SOALAN:**

**Dato' Wira Mohd Johari bin Baharom**

[ Kubang Pasu ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tentang wujudnya bahan galian seperti emas, perak, timah atau uranium yang ada di Malaysia. Sila sebutkan penemuan terbaru untuk bahan-bahan galian berkenaan dan di negeri manakah yang ditemui. Apakah prospek bagi menjana pendapatan kerajaan terhadap bahan-bahan galian tersebut untuk jangka pendek dan jangka panjang.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangjenis-jenis mineral yang wujud di negara kita boleh dikategorikan kepada 3 kumpulan iaitu mineral tenaga, mineral berlogam dan mineral bukan logam.

Pada masa ini, bijih besi, emas dan bijih timah merupakan mineral yang dilombong secara aktif, manakala perak pula merupakan hasil sampingan daripada aktiviti perlombongan emas. Kewujudan uranium masih lagi dalam peringkat kajian di mana sehingga kini belum ada longgokan yang berekonomi ditemui. Begitu juga dengan mineral lain, tiada enapan mineral yang ekonomik yang ditemui.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah dan sedang menjalankan aktiviti eksplorasi mineral bagi mengenalpasti kewujudan mineral tersebut di Malaysia di dalam setiap Rancangan Malaysia (RMK). Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti berpotensi dimaklumkan kepada pihak Kerajaan Negeri melalui laporan-laporan dan sesi-sesi taklimat. Pihak JMG juga menjual peta mineral kepada orang awam yang berminat.

Pembangunan mampan sektor mineral boleh menjana kekayaan negeri dengan menambahkan kutipan hasil melalui bayaran lesen eksplorasi dan mencarigali mineral serta pengeluaran dan pembaharuan pajakan melombong. Kerajaan Negeri juga akan memperolehi pendapatan melalui

kutipan royalti yang dikenakan atas mineral yang dikeluarkan. Aktiviti perlombongan mineral-mineral tersebut mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan juga menjana ekonomi setempat. Pada masa yang sama, kemasukan pelabur asing dalam sektor perlombongan tempatan akan membawa kepada berlaku tukaran wang asing dan juga pemindahan teknologi serta kepakaran dalam industri perlombongan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.